



STATISTIK KES DENGGI DAN KEMATIAN 2013 HINGGA 2015

Kes denggi dilaporkan di Malaysia pada minggu 1 tahun 2016, 2015 dan kes keseluruhan 2015



Bil	Negeri	Jumlah terkumpul kes denggi tahun 2013	Jumlah terkumpul kes denggi tahun 2014	Jumlah kes denggi keseluruhan bagi 2015	Jumlah terkumpul kes denggi pada minggu 01/2015	Jumlah terkumpul kes denggi pada minggu 01/2016
1	Perlis	226 (1)	317	258 (1)	10	13
2	Kedah	813 (1)	1,014 (7)	1,000 (14)	20	13
3	Pulau Pinang	1,053 (7)	3,141 (11)	5,830 (19)	130 (2)	155
4	Perak	2,519 (4)	7,525 (21)	9,466 (25)	349	126
5	Selangor	23,852 (24)	54,290 (77)	63,198 (127)	1,406 (2)	1,681 (1)
6	WP KL & Putrajaya	2,570 (8)	7,185 (21)	8,332 (34)	154	237 (1)
7	N.Sembilan	1,198 (1)	3,781 (10)	2,454 (16)	34	128 (1)
8	Melaka	1,505 (9)	2,770 (6)	2,420 (8)	48	72



Longgokan sampah-sarap menjadi **punca air bertakung** sekali gus mengakibatkan peningkatan kes denggi di Kampung Tunku. (FOTO SADDAM YUSOFF/BH)

9	Johor	4,828 (24)	6,323 (25)	15,743 (51)	128 (1)	513
10	Pahang	725 (2)	2,170 (6)	3,001 (16)	108	91
11	Terengganu	600	1,688 (2)	1,455 (5)	30	108 (1)
12	Kelantan	1,427 (2)	14,456 (17)	2,850 (7)	32	58
13	Sarawak	1,292 (4)	2,571 (6)	1,923 (3)	115	32
14	Sabah	724v (5)	1,456 (6)	2,904 (10)	69	110
15	WP Labuan	14	11	2	0	0
▶ Malaysia		43,346 (92)	108,698 (215)	120,836 (336)	2,633 (5)	3,337 (4)

(): Bilangan kes kematian

BH
13/1/2016
mis 13

Sumber: Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Cegah penularan wabak di tempat kerja

Kuala Lumpur: Majikan dan pekerja di semua organisasi termasuk sektor pembinaan serta perladangan digesa lebih berwaspada terhadap penularan wabak denggi di tempat kerja.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata ini berikutan kes denggi di negara ini meningkat 50 peratus tahun ini.

Katanya, mereka perlu memusnahkan tempat pembiakan supaya populasi aedes dapat dikurangkan atau dihapuskan.

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di semua organisasi juga, katanya, harus merangka strategi untuk

mengatasi isu berkenaan.

"Garis panduan serta langkah pencegahan dan kawalan perlu diberi perhatian di semua organisasi untuk membanteras kes denggi di tempat kerja.

Peka isu pencegahan

"Kempen pencegahan juga harus dilakukan secara berterusan bagi memastikan majikan dan pekerja lebih peka terhadap isu pencegahan wabak denggi," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Lam Thye berkata, antara aktiviti pencegahan yang boleh dilakukan organisasi ialah menganjurkan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar premis.

Beliau berharap pihak berkuasa tempatan mempergiatkan pemeriksaan tapak pembinaan serta kawasan perumahan supaya ia bebas dari tempat pembiakan jentik-jentik.

Sebanyak 3,337 kes denggi direkodkan pada minggu pertama tahun ini iaitu peningkatan 826 kes berbanding minggu sebelumnya.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan meminta orang ramai menghadkan kegiatan luar dan banyak minum air yang dimasak bagi menghadapi kesan panas berikutan fenomena El Nino kategori kuat antara akhir Januari hingga Mac depan.

